

KAJIAN SEMULA PENDIDIKAN

Merencanakan Transformasi Pendidikan Negara

Oleh Mohd. Nasiruddin Abd. Nasir

Dalam era globalisasi, bidang pendidikan bukan lagi sekadar jambatan ilmu yang membawa pengetahuan, potensi dan kualiti yang ada pada manusia, malah menjadi pelaburan penting sesebuah negara. Kemajuan dalam bidang pendidikan menandakan modal insan, dan dari perspektif yang berbeza, menjadi cermin tahap hidup dan kualiti masyarakat sesebuah negara.

Bagi negara maju, globalisasi pendidikan melangkaui batasan, tidak hanya dengan pelbagai penemuan baharu, tetapi turut dibantu oleh tahap profesionalisme yang tinggi serta sukatan pelajaran yang terbaik. Transformasi pendidikan di negara maju sangat beribawa kerana disokong oleh pelbagai kemudahan, tenaga kerja profesional, serta perkembangan sebagai pusat ilmu dan penyelidikan.

Kini, bidang pendidikan di negara ini juga menuju frasa yang sama. Kerajaan sedang mengubah dimensi pendidikan negara secara berperingkat, serta terus diolah dan dipacu agar seiring dengan hasrat mencapai negara maju. Dalam memastikan kelangsungan pendidikan itu, kerajaan mewujudkan transformasi pendidikan yang lebih bersepadu, dan bermula dengan Peneraju Bidang Keberhasilan Utama Negara [National Key Result Areas] (NKRA) yang lalu. Menerusi NKRA, kerajaan mengubah

dan mengemaskinikan pendidikan secara menyeluruh, dari sekolah rendah, menengah, vokasional hingga pengajian tinggi.

Untuk tujuan itu, kerajaan melaburkan wang yang banyak dalam usaha merealisasikan hasrat bagi merencanakan transformasi pendidikan negara ini. Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, mengumumkan sebanyak RM37.28 bilion dalam belanjawan tahun 2012 untuk digunakan oleh Kementerian Pelajaran. Yang pasti, pelaburan yang dikeluarkan oleh kerajaan itu tidak boleh dituai hasilnya dalam tempoh yang terdekat ini. Hal ini merupakan pelaburan jangka panjang, khususnya bagi mencapai Wawasan 2020.

Sebenarnya, bidang pendidikan di negara ini sudah melalui beberapa fasa transformasi sejak Malaysia mencapai kemerdekaan. Transformasi pertama bermula dengan penggabulan Penyata Razak 1965 yang bertujuan merapatkan jurang antara kaum dan memupuk perpaduan nasional melalui penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah kebangsaan. Transformasi kedua tercetus apabila Falsafah Pendidikan Kebangsaan diperkenalkan pada 1988, sekali gus buat julung kalinya dalam sejarah, pendidikan di negara ini diberi satu hala tuju yang jelas

untuk memupuk nilai murni melalui pembinaan sahsiah yang seimbang.

Di bawah lembayung Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pendidikan di negara ini menjadi wahana utama untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi serta jasmani. Transformasi ketiga dalam sistem pendidikan negara pula mula tercetus sejajar dengan hasrat untuk melihat Malaysia muncul sebagai negara maju menjelang 2020.

Jika hendak dihitung, pendidikan negara sudah melalui transformasi selama 47 tahun. Lantaran itu, timbul persoalan, apakah matlamat yang mahu dikecap sepanjang usaha tersebut? Apakah sebenarnya yang perlu diperbaiki sedangkan 95 peratus rakyat di negara ini celik huruf dengan purata persekolahan selama 11.5 tahun setiap individu? Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, menggariskan sembilan cabaran menghadapi Wawasan 2020, dan sebahagian besarnya berkaitan dengan pembangunan modal insan bermula dengan cabaran membentuk negara bangsa yang bersatu padu dan berakhir dengan cabaran membentuk masyarakat yang makmur.

Setelah melihat cabaran yang besar ini, pengisian terhadap sumber utama ialah kemajuan sains dan teknologi serta penyelidikan dan pembangunan. Dalam hal ini, bidang pendidikan menjadi nadi utamanya. Tun Dr. Mahathir Mohamad sering menekankan bahawa untuk mencapai negara maju, rakyat perlu maju dalam bidang sains dan teknologi. Tegasnya lagi, kemajuan tidak akan dapat direalisasikan sekiranya kita tidak memiliki pelan pembangunan pendidikan yang mapan. Negara, seperti Jepun dan Korea Selatan, mampu mengeksploitasi modal insan serta kemajuan sains dan teknologi mereka sehingga digeruni dunia Barat. Semua itu dinikmati menerusi sistem pendidikan yang jitu di negara mereka.

Pada Mac lalu, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin, ketika melancarkan Majlis Dialog Nasional Pendidikan Negara di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya,

menegaskan selepas tiga fasa transformasi sepanjang tempoh 55 tahun kemerdekaan, sudah tiba masanya negara menganjak ke satu lagi fasa transformasi selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi. Tambah beliau, bagi merealisasikan, satu usaha perlu dilaksanakan untuk melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif serta berdaya saing di peringkat antarabangsa.

"Kita sedar bahawa modal insan yang mempunyai keupayaan untuk bersaing di peringkat antarabangsa hanya boleh dilahirkan melalui sistem pendidikan bertaraf dunia. Dalam tempoh 15 tahun akan datang, Malaysia bakal meraih kejayaan, seperti Korea, Finland, Jepun, New Zealand dan Singapura yang berada pada kedudukan teratas dalam pencapaian penskiran di peringkat antarabangsa, jelas Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Bagi tujuan itu, beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, Kementerian Pelajaran sedang berusaha menghasilkan Pelan Pembangunan Pendidikan secara menyeluruh berdasarkan kajian semula pendidikan negara membabitkan pandangan semua pihak yang berkepentingan dan masyarakat awam. Dalam kajian semula itu, sembilan bidang utama yang dianggap kritikal untuk mentransformasikan pendidikan negara akan diberi perhatian oleh kerajaan, termasuk memartabatkan profesion keguruan.

Bidang pertama yang ditekankan ialah kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran, termasuklah kualiti guru di negara ini. Bidang kedua ialah hal meningkatkan kepimpinan sekolah. Dalam usaha menantapkan kepimpinan bai'ah atau tawaran baharu dengan memberikan ganjaran kepada pengetua dan guru besar yang menunjukkan pencapaian cemerlang dalam meningkatkan prestasi sekolah. Bidang ketiga, iaitu meningkatkan kualiti sekolah, yang menjadi elemen penting dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dalam era teknologi maklumat hari ini, sekolah berkualiti perlu dilengkapi prasarana teknologi maklumat dan komunikasi lengkap bagi proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih mudah.

Usaha keempat ialah usaha memantapkan kualiti kurikulum dan pentaksiran untuk menyediakan modal insan pada abad ke-21. Keutamaan dalam aspek ini menjurus kepada usaha membina satu kurikulum yang memenuhi piawaian antarabangsa, membabitkan penekanan aspek kemahiran kreatif, penyelesaian masalah dan inovasi sebagai ramuan utama melahirkan modal insan yang mampu bersaing di peringkat global. Bidang kelima berkaitan dengan usaha meningkatkan penguasaan pelbagai bahasa dalam kalangan murid. Selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, murid juga perlu menguasai bahasa lain seperti Mandarin, Tamil, Arab, Iban dan bahasa antarabangsa lain sejajar dengan kemunculan kuasa baharu ekonomi dunia yang sebahagiannya tertumpu di negara Asia.

Bidang keenam menyentuh pembaitan ibu bapa, sektor swasta dan masyarakat sebagai rakan kongsi dalam pendidikan. Bidang ketujuh meningkatkan kesediaan murid untuk merbut peluang dalam pendidikan tinggi dan pasaran kerjaya kerana sudah terbukti bahawa murid yang berjaya melanjutkan pendidikan ke peringkat pengajian tinggi berpeluang memperoleh kerjaya yang lebih baik, sekali gus mampu mengecap kehidupan yang lebih selesa. Bidang kelapan yang akan diberi tumpuan adalah memperbaiki kecekapan dan keberkesanan sumber. Sementara itu, bidang kesembilan membina kemampuan serta keupayaan sistem penyampaian pendidikan dengan melihat aspek kecekapan penyampaian pendidikan.

Jika sembilan bidang tersebut mampu ditangani dengan bijaksana, transformasi pendidikan yang diimpikan tidak akan menjadikan pelaburan sia-sia. Walaupun sistem pendidikan sedia ada banyak menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara selama ini, harus diakui bahawa penambahbaikan berterusan diperlukan agar mutu pendidikan negara setanding dengan pendidikan di negara maju.

Hasil yang mungkin dapat dilihat daripada program dan inisiatif melalui pelan transformasi sistem pendidikan ialah kelahiran generasi baharu rakyat Malaysia yang inovatif, kreatif dan



mampu melonjakkan negara dalam apa-apa bidang pendidikan. Begitupun, semua ini memerlukan cetusan inovasi yang mampu meningkatkan daya saing negara serta menajankan ilmu dan kesejahteraan rakyat.

Lihat sahaja pencapaian Jepun, Taiwan, Hong Kong, Korea Selatan dan negara ASEAN yang pesat membangun, sekalipun tidak mempunyai sumber semula jadi yang

banyak bagi membangunkan negara masing-masing, negara tersebut maju dengan kehebatan teknologi. Negara itu juga memiliki masyarakat yang terlatih, berdedikasi dan berpendidikan.

Usaha kerajaan melaksanakan transformasi pendidikan secara menyeluruh merupakan inisiatif terpuji yang dilaksanakan tepat pada masanya. Kaedah tersebut merupakan cara terbaik yang dapat membantu

masyarakat berpendapatan rendah di negara ini mengubah pemikiran dan sikap dalam menentukan hala tuju hidup yang lebih baik. Yang lebih penting, transformasi pendidikan yang berkesan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, malah turut mengurangkan ketidaksamaan sosial antara golongan yang tidak berkemampuan dan sebaliknya. □

SEJARAH PENDIDIKAN DI MALAYSIA Kronologi Sejarah Sistem Pendidikan di Malaysia

ERA PERTAMA: Sebelum Kedatangan British

- Pendidikan Agama:
 - Pengajian al-Quran oleh guru al-Quran.
 - Disampaikan oleh mereka berketurunan Sayyid.
 - Guru agama - Imam di masjid atau surau kampung.
 - Pelajaran - Pengiraan, menulis Jawi, Tajwid al-Quranul Karim, Fardhu Ain, Rukun Islam dan Rukun Iman.
 - Tiga pelajaran sehari (satu jam setiap pelajaran).
- Sebelah pagi (selepas sembahyang subuh); selepas sembahyang zuhur; sebelah petang (sehingga masuk waktu asar).

ERA KEDUA: Kedatangan British

- Tiada campurtangan British. (terpaksa dibiayai orang perseorangan dan organisasi Islam orang Melayu).
- Dikenali sebagai madrasah - ilmu Keduniahan (Fardhu Kifayah) dan ilmu keakhiratan (Fardhu Ain).
- Madrasah:
 - Sekolah agama moden.
 - Lebih kemas, teratur.
 - Tekankan ajaran para reformis dari Asia Barat atau kaum muda.
 - Sukatan pelajaran: Pelajaran Agama Islam, Latihan Vokasional (Perdagangan dan Pengiraan).
 - Taraf pendidikan lebih tinggi (Madrasah al-Masyhur, Pulau Pinang dan Madrasah di Kota Bharu.

ERA KETIGA: Selepas Kemerdekaan

- Laporan pendidikan
 - Laporan pendidikan yang dirangka untuk menggubal sistem pendidikan bersepadu;
 - (a) Laporan atau Penyata Razak (1956)

- Tiada bayaran. Pelajar membantu kerja guru mereka, (bersihkan tempat belajar, mencari kayu api, mengerjakan sawah) di antara waktu senggang pembelajaran.
- Proses pengajaran pembelajaran:
 - Ulangi perkataan Arab di awal dan akhir bacaan al-Quran.
 - Membaca al-Quran dan menjadi imam.
- Sekolah agama awal (sekolah pondok)
 - di Terengganu dan Kelantan (abad ke-18); Kedah, Perak, Kelantan, Pulau Pinang - (penghujung abad ke-19).
- Pendidikan tidak formal - belajar daripada ibu bapa dan mereka yang lebih tua.
 - Kemahiran membuat dan memperbaiki alatan

- Dari Madrasah ke universiti di Timur Tengah (Al-Azhar, Mesir, dan Masjidil Haram, Mekah).
- Sekolah pondok: Sekolah agama tradisional orang Melayu.
 - Diperbaharui dengan mendirikan asrama atau pondok pengajian (hampir dengan rumah tuk guru).
 - Pelajaran: Fardhu Ain, seperti Pengajian al-Quran, al-hadith, tasawuf, fiqh, tauhid, bahasa Arab, tulisan Jawi dan seni khat, dan doa harian.
 - Mendidik sahiah pelajar - seorang yang berdisiplin, mengamal nilai murni dan taat beragama.
- Sekolah Vernakular:
 - Mengikuti pecahan kaum di Tanah Melayu (Melayu, Cina, India dan Inggeris); (Dasar Pecah dan Perintah).

- Bertujuan untuk mewujudkan sistem pelajaran yang sama bagi semua kaum.
- Diketuai Allahyarham Tunku Abdul Razak. (b) Penyata Rahman Talib (1959)
 - Untuk kajian semula cadangan dalam Penyata Razak.

- pertanian; kemahiran pertukangan; kemahiran seni silat dan juga sihir.
- Pendidikan Istana - Pendidikan Islam di istana, dipelajari sultan dan kerabat diraja.
 - Pelajaran:
 - * Terjemahan buku bahasa Arab - bahasa Melayu (menggunakan tulisan Jawi).
 - * Bahasa Arab.
 - * Bahasa pengantar-bahasa Melayu.
- Pengiput Lara - Penyampaian cerita-cerita rakyat oleh tukang cerita (Tuk Selampit, Awang Batil, Tukang Karut dan Pawang Ana).
 - Bentuk lisan.
 - Cerita legenda dan dongeng: Penyerapan nilai murni kepada pendengarnya.

- Menggunakan bahasa ibunda masing-masing dalam proses pengajaran - pembelajaran.
- Berterusan sehingga era selepas kemerdekaan.
- Laporan Pendidikan
 - Laporan Pendidikan di peringkat awal seperti:
 - Laporan Cheeseman - membina semula sistem pendidikan (selepas Perang Dunia Kedua.
 - Laporan Barnes (1949) - Menyatukan semula sekolah vernakular.
 - Laporan Fenn-Wu (1951) - menggubal semula sistem pendidikan sekolah Cina di Tanah Melayu.
 - Ordinan Pelajaran (1952) - Langkah awal penubuhan sekolah bercorak.

- Cadangan pendidikan percuma kepada semua pelajar sekolah.
- Kedua-dua penyata tersebut menjadi asas sistem pendidikan di Malaysia pada hari ini.